



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

SIARAN MEDIA

LEBIH 10,000 KEKOSONGAN JAWATAN MENANTI SEMUA GOLONGAN PENCARI KERJA DI KARNIVAL HARI PEKERJA 2025

Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) menerusi Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah menganjurkan 4,959 Karnival Kerjaya di seluruh Malaysia, sejak Januari 2024 hingga 18 April 2025.

Bagi tahun 2024, seramai 204,819 rakyat Malaysia berjaya mendapatkan pekerjaan menerusi inisiatif KESUMA-PERKESO yang mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan MADANI dalam menyediakan peluang pekerjaan buat segenap lapisan rakyat.

” Terbaru, Karnival Hari Pekerja yang bermula pada 28 April hingga 1 Mei 2025 di Arena Axiata, Bukit Jalil bakal memberi ruang seluas-luasnya buat pencari kerja meneroka peluang pekerjaan dalam pelbagai bidang, juga pelbagai julat gaji.

” Seramai 40 Majikan dengan lebih 10,000 kekosongan jawatan ditawarkan dalam karnival yang julung kalinya membawakan keseluruhan ekosistem pemerkasaan warga kerja daripada semua agensi di bawah KESUMA,” katanya dalam kenyataan, hari ini.

Antara syarikat yang terlibat menawarkan kekosongan jawatan adalah Malaysia Aviation Group (MAG), Sunway Resort Hotel Sdn Bhd, Agro Bank, Ambank Group, Bank Islam, FGV Holding, Gintell (M) Sdn Bhd, Prasarana Malaysia Berhad, MArii (Malaysian Automotive Robotis and IOT Institute) IHH Healthcare Malaysia (Pantai Medical Centre Sdn Bhd) dan Avisena Healthcare Sdn Bhd.

Tambah beliau, menerusi karnival kerjaya itu, pengunjung boleh mendapatkan perkhidmatan secara terus berkaitan kerjaya seperti pemberian latihan berimpak tinggi, konsultasi kerjaya, Klinik Penyediaan Resume, Kelas Grooming dan peluang penempatan pekerjaan sepanjang empat hari program berlangsung.

Inisiatif Karnival Hari Pekerja tahun ini tidak hanya berpusat di Lembah Klang, sebagai bukti komitmen kerajaan dalam memperluas peluang pekerjaan ke seluruh negara, karnival ini turut disertakan sesi temuduga serentak seluruh negara dengan

penyertaan lebih 103 syarikat, menawarkan 3,146 peluang pekerjaan bagi dimanfaatkan para pencari kerja di seluruh Malaysia.

Jelasnya, program itu juga bertujuan mencungkil minat golongan belia untuk memasuki pasaran buruh sebagai tenaga kerja berkemahiran tinggi melalui fasilitasi ekosistem KESUMA.

” Belia yang merupakan "future talents" negara berpeluang menambah ilmu dan mencorak kepelbagaian minat baharu menerusi pameran interaktif dan program forum berkaitan kerjaya sepanjang program ini,” ujarinya.

Pencari kerja dijemput hadir ke Karnival Hari Pekerja bermula 28 April hingga 1 Mei 2025 di Arena Axiata, Bukit Jalil dengan acara kemuncaknya adalah Majlis Sambutan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan 2025 pada 1 Mei 2025.

Acara kemuncak pada Khamis depan itu akan dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
22 APRIL 2025**

LAMPIRAN**LATAR BELAKANG KESUMA**

Kementerian Sumber Manusia atau singkatannya KESUMA adalah kementerian yang bertanggungjawab kepada pembangunan kemahiran, pekerjaan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kesatuan sekerja, perhubungan perusahaan, maklumat dan analisis pasaran buruh dan keselamatan sosial.

PERANAN & TANGGUNGJAWAB KESUMA

Membangunkan dan melahirkan modal insan yang kompeten, produktif, responsif dan berdaya tahan dalam pasaran buruh negara ke arah meningkatkan produktiviti negara. Memastikan kelancaran operasi pasaran buruh negara. Meningkatkan kebolehpkerjaan dan penggajian tenaga kerja tempatan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja negara. Memastikan perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif. Mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Memastikan jaringan keselamatan sosial yang komprehensif, dinamik dan progresif.

JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KESUMA

JABATAN	AGENSI
Jabatan Tenaga Manusia (JTM)	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM)	Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)
Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)	Human Resources Development Corporation (HRDC)
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	Talent Corporation Malaysia Berhad (TALENTCORP)
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)
Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)	
Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS)	
Jabatan Tenaga Kerja Sabah	
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak	